

# Contoh Rancangan Pengajaran

Bagi membantu guru menggunakan bahan Kumpulan Cerita Animasi, contoh rancangan pengajaran telah disediakan. Di dalam contoh rancangan pengajaran ini pelbagai aktiviti dan alat penilaian juga disarankan. Guru boleh dan digalakkan mengubah suai contoh rancangan pengajaran ini bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid.

## Cerita Animasi 4 – Gagak dengan Takar


<b>Tajuk Cerita</b>	Gagak dengan Takar
<b>Jangka Masa</b>	1-2 Waktu
<b>Fokus Interaksi Lisan</b>	Berbual dan berbincang
<b>Aspek Bahasa</b>	Kata hubung seperti dan, tetapi, sambil

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN / CATATAN
<p><b>Aktiviti</b></p> <p><b>Murid:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memberikan respons kepada pertanyaan guru mengenai cerita rakyat yang mereka tahu</li> <li>Menonton cerita animasi ‘Gagak dalam Takar’</li> <li>Berbual tentang cerita yang ditonton</li> <li>Berbincang tentang nilai-nilai yang terkandung dalam cerita dengan panduan guru</li> <li>main peranan berdasarkan skrip cerita ‘Gagak dengan Takar’.</li> <li>Menyelesaikan lampiran tugas yang disediakan berkenaan berkenaan penggunaan kata hubung</li> <li>Melengkapkan alat penilaian.</li> </ol> <p><b>Aktiviti Lanjutan</b></p> <p>Guru boleh menjalankan aktiviti membina poster atau melukis watak- watak kegemaran murid. Guru juga boleh meminta murid menyatakan mengapa mereka suka akan watak- watak tersebut.</p>	<p><b>Catatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam aktiviti main peranan menggunakan skrip cerita animasi, guru menekankan penggunaan <b>Kata Hubung</b> yang terdapat dalam Kad Imbasan.</li> </ul> <p><b>Soalan Saranan (permulaan)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pernah kamu membaca cerita tentang binatang?</li> <li>Berkongsilah cerita kamu dengan rakan-rakan lain.</li> <li>Apakah yang kamu pelajari daripada cerita tersebut</li> <li>Apakah yang menarik tentang watak haiwan yang kamu baca itu?</li> </ol> <p><b>Soalan Saranan tentang Cerita ‘Gagak dengan Takar’</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bagaimanakah cuaca pada waktu itu?</li> <li>Mengapakah burung-burung terbang ke sana dan ke mari?</li> <li>Apakah yang dilihat oleh Gagak di tengah tasik?</li> <li>Bagaimanakah Gagak berjaya minum air di dalam takar itu? Jelaskan.</li> <li>Apakah yang kamu pelajari daripada cerita 'Gagak dengan Takar'?</li> </ol> <ul style="list-style-type: none"> <li>Guru menilai bacaan murid dan memberikan maklum balas.</li> </ul> <p><b>Bahan</b></p> <p>Lampiran Tugas Alat Penilaian (Guru dan Murid)</p>

## LAMPIRAN TUGASAN

### Cerita Animasi 4: Gagak dengan Takar

Pilih perkataan yang sesuai untuk melengkapkan setiap ayat yang disediakan.



1. Air sungai  tasik menjadi kering akibat kemarau.
2. Pokok-pokok dan binatang mati  kehausan.
3. Burung Gagak hinggap di atas dahan  melihat ke tengah tasik.
4. Puas Gagak berusaha  tidak berjaya.
5.  kita rajin berusaha, tentu kita akan berjaya.



## Cerita Animasi 4: Gagak dengan Takar

### Senarai Semak - Penilaian Kendiri (Murid) Bercerita/ Membaca

Nama murid: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandakan ( ✓ ) dalam ruang yang sesuai.

Saya boleh...		Ya 	Tidak 
1	membaca dengan baik.		
2	menyebut perkataan dengan betul.		
3	menggunakan intonasi yang sesuai.		
4	menggunakan sebutan baku secara konsisten.		



## Cerita Animasi 4: Gagak dengan Takar

### Senarai Semak - Penilaian Guru Membaca

Nama murid: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandakan ( ✓ ) dalam ruang yang sesuai.

Murid boleh...		Ya 	Tidak 
1	membaca dengan baik.		
2	menyebut perkataan dengan betul.		
3	menggunakan intonasi yang sesuai.		
4	menggunakan sebutan baku secara konsisten.		

Catatan guru:

---

---

---

---

---

## Cerita Animasi 4: Gagak dengan Takar

### Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama murid : .....

Kejas: .....

Tarikh :.....

#### Senarai Semak Interaksi Lisan - Perbincangan (Individu)

Tandakan ( ✓ ) dalam kurungan.

Semasa berbincang, murid boleh:

- |   |          |
|---|----------|
| 1. menyampaikan pendapat.                         | (      ) |
| 2. menggunakan kosa kata yang sesuai.             | (      ) |
| 3. memandangi rakan semasa perbincangan.          | (      ) |
| 4. menyatakan sebab-sebab mereka tidak bersetuju. | (      ) |
| 5. menggunakan sebutan baku.                      | (      ) |

Secara keseluruhan (maklum balas guru):

.....  
.....

Nota:

Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu.



## Cerita Animasi 4: Gagak dengan Takar

### Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama murid: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandakan ( ✓ ) dalam ruang yang sesuai.

Semasa berbincang, saya boleh...		Ya 	Tidak 
1	menyatakan pendapat.		
2	menggunakan kosa kata yang sesuai.		
3	menyokong atau tidak menyokong pendapat rakan.		
4	menyatakan setuju / tidak setuju dengan sopan.		
5	bercakap mengikut giliran.		

## CERITA ANIMASI 4: GAGAK DENGAN TAKAR

<b>Tajuk</b>	Gagak dengan Takar
<b>Peringkat</b>	P2A
<b>Sinopsis</b>	Cerita berkenaan seekor burung gagak yang kehausan. Setelah penat mencari air, Gagak terjumpa takar yang berisi air separuh penuh. Mulut takar agak sempit. Gagak berusaha mencari jalan untuk minum air dalam takar.
<b>Watak</b>	Gagak dan Pencerita
<b>Nilai</b>	Kerja keras, tidak pernah putus asa

No	Watak	Dialog
1	Pencerita	Pada musim panas lalu, hutan tempat tinggal binatang mengalami kemarau. Air sungai dan tasik menjadi kering. Pokok-pokok dan binatang mati kerana kehausan. Burung-burung terbang ke sana dan ke mari mencari air.
2	Gagak	Malang sungguh nasib aku. Sejak pagi tadi, aku masih belum berjumpa setitik air pun. Penat sungguh aku terbang ke sana dan ke mari. Semua sungai telah kering.
3	Pencerita	Burung Gagak hinggap di atas dahan sambil melihat ke tasik yang sudah kering. Dahulu, di situlah Gagak minum air sepuas-puasnya.
4	Gagak	Tasik yang dalam ini pun sudah kering. Bagaimanakah caranya untuk aku mencari air? Jika hujan tidak turun, aku akan mati kehausan di sini.
5	Pencerita	Burung Gagak sudah berputus asa. Badannya terasa amat letih. Gagak memandang lagi ke tengah tasik. Gagak berasa pelik. Dia melihat ada suatu benda di tengah tasik. Benda itu berkilau-kilau.
6	Gagak	Eh, apakah benda yang berkilau-kilau di tengah tasik itu? Baik aku terbang ke sana.
7	Pencerita	Burung Gagak terbang ke arah benda yang berkilau-kilau itu. Setelah dekat, Gagak pun turun ke tanah.
8	Gagak	Wah, rupa-rupanya ada sebuah takar. Eh, ada air di dalam takar inilah! Dapatlah aku minum dan menghilangkan dahaga.

9	Pencerita	Burung Gagak merasa amat gembira. Di dalam takar itu, ada air. Malangnya, mulut takar sempit. Muncung Gagak tidak boleh masuk ke dalam mulut takar. Puas Gagak berusaha tetapi tidak berjaya.
10	Gagak	Bagaimanakah caranya aku dapat minum air dalam takar ini?
11	Pencerita	Gagak berusaha untuk minum air dalam takar tetapi tetap gagal. Gagak tidak putus asa. Akhirnya Gagak mendapat satu idea.
12	Gagak	Jika aku memasukkan batu-batu kecil ke dalam takar ini, air dalam takar akan naik ke atas. Bila air naik ke atas, dapatlah aku minum air dalam takar ini.
13	Pencerita	Gagak pun segera mengisi takar itu dengan batu-batu kecil. Air dalam takar naik ke atas. Gagak berjaya minum air dalam takar itu.
14	Pencerita	Begitulah kisah cerita Gagak dengan takar. Gagak tidak berputus asa. Gagak berusaha mencari jalan agar dia dapat minum air dalam takar. Jika kita rajin berusaha, tentu kita akan berjaya.

